

SP 3.2.3 Menganalisis dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara yang dirujuk.



Kemahiran Menulis


Baca dan fahami petikan. Kemudian, lengkapkan peta buih.

Pokok kelapa merupakan hasil pertanian yang banyak memberikan manfaat kepada manusia. Antaranya ialah air kelapa muda sangat enak dijadikan minuman di samping baik untuk kesihatan.

Seterusnya, daun kelapa muda dapat dijadikan sarung ketupat manakala lidi pokok kelapa pula boleh dijadikan penyapu. Penyapu lidi ini sungguh sesuai digunakan untuk menyapu daun-daun kering di halaman rumah. Selain itu, batang kelapa juga boleh dijadikan titi untuk menyeberangi anak sungai atau parit. Sabut kelapa pula dapat digunakan untuk membuat tali dan berus. Akhir sekali, tempurung kelapa dapat dijadikan tabung dan barang-barang hiasan. Penanaman pokok kelapa banyak memberikan keuntungan. Oleh itu, penanaman pokok kelapa haruslah diteruskan.



i-THINK Peta Buih



TAHAP PENGUASAAN (✓)

1★ 2★ 3★ 4★ 5★ 6★